



No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(101)

SIARAN MEDIA

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA DAN AQUAWALK SDN. BHD. (AQUARIA KLCC)

13 Mei 2024, Telok Bahang - Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menandatangani memorandum persefahaman (MOU) bersama Aquaria KLCC hari ini sebagai tanda persetujuan bagi bidang kerjasama berkaitan pengurusan dan pemuliharaan spesies akuatik terancam seperti penyu, mamalia marin dan batu karang.

Dengan temeterainya perjanjian tersebut, kerjasama dalam aspek pendidikan dan peningkatan kesedaran awam mengenai pemuliharaan spesies akuatik terancam dapat diteruskan dengan lebih giat serta banyak aktiviti boleh dilaksanakan secara bersama pada masa akan datang.

"Kami berbesar hati untuk memeterai MOU penting ini bersama DOF, ia menandakan komitmen kami terhadap pemuliharaan marin, suatu perjalanan yang dimulakan bersama penubuhan Aquaria KLCC pada 2007. Kerjasama dengan universiti yang disegani seperti Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sains Malaysia (USM) ini jelas memperlihatkan kesungguhan kami untuk memajukan inisiatif penyelidikan dan pemuliharaan dengan memanfaatkan akademik bagi memacu perubahan bermakna dalam ekosistem marin", Pengarah Urusan Aquaria KLCC, Datuk Simon Foong.

MOU berkenaan telah ditandatangani oleh Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan) Jabatan Perikanan Malaysia, Tuan Haji Wan Muhammad Aznan Abdullah dan Pengarah Urusan Aquaria KLCC, Datuk Simon Foong dengan disaksikan oleh YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik, Ahli Parlimen Balik Pulau, Pulau Pinang.

Pada majlis yang sama turut diadakan pra pelancaran Pusat Konservasi Marin di Angsana Resort dan pengisytiharan Pantai Telok Bahang sebagai sarang penyu bertelur. Kedua-dua usaha ini merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilaksanakan oleh Aquawalk Group Sdn Bhd serta Angsana Resort dan UMT bertindak sebagai penasihat teknikal bagi usaha pemeliharaan dan rehabilitasi spesies terancam seperti penyu.

Berdasarkan rekod dari tahun 2019 hingga 2023, Pulau Pinang mencatatkan data pendaratan ibu penyu sebanyak 292 kali dan sebanyak 27,701 biji telur telah berjaya di perolehi serta penetasan telur sebanyak 17,607. Dua spesies penyu yang dikenal pasti mendarat di sekitar pantai Pulau Pinang adalah penyu agar (*Chelonia mydas*) dan penyu lipas (*Lepidochelys olivacea*). Pendaratan reptilia ini tertumpu di Pantai Kerachut, Teluk Kampi dan Teluk Bahang. Sepanjang tahun 2023, sebanyak 41,963 pelawat dari dalam dan luar negara direkodkan mengunjungi Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu, DOF.

DOF sentiasa peka dengan isu pengurusan dan konservasi spesies terancam terutamanya berkaitan penyu. DOF melaksanakan aktiviti pengurusan dan penguatkuasaan penyu dengan merujuk kepada Akta Perikanan 1985 dan Kaedah-kaedah Perikanan (Penyu dan Telur Penyu) atau Enakmen Penyu di bawah undang-undang kerajaan negeri dan sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri serta pemegang taruh lain seperti Badan Bukan Berkanun (NGO) untuk menjalankan aktiviti kesedaran kepada golongan sasar.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my

13 Mei 2024